



Produk Ikan Segar Beku Q'Fish dijual di pasar-pasar sentuhan rakyat seluruh negeri.

## Q'Fish jamin tak jejas nelayan

KUALA TERENGANU - Produk Ikan Segar Beku Q'Fish yang diperkenalkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dijamin tidak menjejaskan dan memberi kebimbangan kepada nelayan dan peniaga ikan di negeri ini.

Ia berikutan produk tersebut dilihat dijual di pasar-pasar sentuhan rakyat yang kini menjelajah di setiap daerah.

Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Terengganu (Penentu), Mat Yassim Mohamed mengakui permintaan tinggi ikan sejuk beku itu sebelum ini akibat kekurangan bekalan dan harga ikan segar agak tinggi.

"Namun kini, sumber protein ini se-

makin banyak, malah harga ikan segar juga sudah mula stabil. Antaranya, ikan kembung kini RM15 sekilogram berbanding sebelum ini mencecah RM18 sekilogram.

"Jadi permintaan terhadap ikan segar tidak terjejas. Produk ini dilihat di pasar-pasar sentuhan rakyat sebagai memperkenalkan ikan sejuk beku itu kepada orang ramai," katanya kepada Sinar Harian.

Menurutnya, Q'Fish merupakan satu penjenamaan semula menggantikan Program Ikan Rakyat yang mula diperkenalkan pada tahun 2013.

Menurutnya, melalui program ini, menawarkan pembeli pelbagai pilihan ikan.